

Newspaper	Berita Harian
Date	March 2016

Dr M percaya Pak Lah layak jadi penasihat

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Tun Abdullah Ahmad Badawi akan menjadi penasihat yang baik kepada Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS).
Katanya, beliau menyambut baik pelantikan itu dan Abdullah cukup layak untuk menggantikannya.
"Beliau (Abdullah) pernah menjadi Perdana Menteri, sudah tentu dia layak. Saya percaya Pak Lah akan memberi nasihat yang baik kepada PETRONAS," katanya.
Dr Mahathir ditemui pada sidang media selepas merasmikan simposium Criminalise War Club (CWC): 'International Coalition of Younger Generation Say No To War'.
Lebih 50 peserta termasuk pelajar dan ahli akademik menghadiri simposium berkenaan yang antara lain bertujuan memberi pendedahan mengenai kesan buruk peperangan kepada pembangunan sesebuah negara.
Kabinet kelmarin bersetuju dengan pelantikan Abdullah sebagai penasihat PETRONAS yang baharu, berkuat kuasa 1 April ini.
Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Abdullah menggantikan Dr Mahathir yang ditamatkan perkhidmatan sebagai penasihat PETRONAS oleh Kabinet pada 11 Mac lalu.

HH - 27/3/2016